

31 AUG 1996

AGONG BERANGKAT PULANG KE KUALA LUMPUR

KOTA KINABALU, 31 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini berangkat pulang ke ibu negara selepas melakukan lawatan dua hari ke Sabah sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-39 di sini.

Antara yang mengucapkan "Selamat Jalan" kepada Seri Paduka berdua di Terminal Lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ialah Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Rukaiyah Abdullah serta beberapa menteri kabinet.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula berlepas ke Tawau selepas sambutan itu untuk lawatan peribadi ke Pusat Penyelidikan Lembah Danum dekat Lahad Datu.

Beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang disertai Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, kemudian menaiki helikopter di Tawau untuk ke Lembah Danum.

Beliau dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur daripada Tawau tengah hari esok.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Wan Azizah Ismail pulang ke ibu negara tengah hari tadi.

-- BERNAMA

KG NAK